



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PENCEN
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : Pusat Panggilan: 03-88854906 / 03-88854475 / 03-88854477
Faks : 03-88892193/88892196
Web : <http://www.japapencen.gov.my>



Pemenang
Anugerah Perdana
Teknologi
Maklumat 2006

Ruj Kami : JPA/PEN/144/36 Jld.1(1)

Tarikh : 28 Mac 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan/Puan,

**HUTANG-HUTANG KERAJAAN YANG DITOLAK
DARI FAEDAH PERSARAAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan surat ini adalah lanjutan kepada surat Jabatan ini rujukan JPA/PEN/144/36(3) yang bertarikh 4 Ogos 1998.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Bahagian Pencen diberi kuasa untuk mengutip hutang-hutang kerajaan dari faedah persaraan pesara samada dari ganjaran, pencen ataupun Gantian Cuti Rehat (GCR) seperti yang termaktub di dalam peruntukan Seksyen 19, Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Seksyen 21, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan (Akta 239).

3. Berkait dengan perkara ini, Jabatan ini mendapat masih terdapat Jabatan Mengurus yang gagal mematuhi surat (**ruj.:JPA/PEN/144/36(3) bertarikh 4 Ogos 1998**) yang telah diedarkan oleh Jabatan ini berkenaan dengan hutang-hutang kerajaan yang ditolak dari faedah-faedah persaraan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan hutang-hutang kerajaan dapat dipotong dari faedah persaraan, Jabatan Mengurus hendaklah mencatatkan semua hutang kerajaan yang hendak dikutip di dalam Sijil Akuan Berhutang/Tidak Berhutang (SAB) berserta surat arahan potongan yang berkaitan dan surat arahan lain, jika ada.

SAB tersebut hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pencen tidak lewat dari **3 bulan** sebelum tarikh persaraan (bagi kes persaraan wajib/pilihan sendiri).

4. Untuk makluman tuan/puan, hanya hutang-hutang kerajaan yang disenaraikan di dalam SAB atau arahan lain, jika ada dan diterima mengikut jadual sahaja yang akan dipotong dari ganjaran/GCR, jika mencukupi. Jika ganjaran/GCR tidak mencukupi, hanya hutang-hutang seperti disenaraikan di bawah sahaja yang akan diteruskan potongan dari pence bulanan:

- (i) KWSP caruman syir kerajaan (yang telah dikeluarkan);
- (ii) ganjaran ATM/elaun mobilisasi/bayaran saguhati ATM/ganjaran perkahwinan dan bayaran balik wang ganjaran (guru kontrak Sabah);
- (iii) potongan pinjaman perumahan; dan
- (iv) cukai pendapatan.

Bagi hutang-hutang kerajaan selain dari (i) hingga (iv) di atas, Jabatan Mengurus diminta untuk berhubung terus dengan pesara berkenaan untuk mendapatkan semula hutang kerajaan yang tidak dapat dikutip oleh Bahagian Pencen. Ini adalah untuk mempastikan Jabatan Mengurus lebih bertanggungjawab ke atas hutang-hutang kerajaan yang perlu dikutip balik tanpa mengalihkan tanggungjawab tersebut kepada Bahagian Pencen di akhir perkhidmatan pegawai.

5. Bagi kes penswastaan, SAB hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pencen dengan kadar segera sebelum ganjaran/GCR dibayar. Jika SAB diterima selepas ganjaran/GCR dibayar maka Jabatan Mengurus hendaklah berurusan terus dengan pesara berkenaan untuk mendapatkan semula hutang kerajaan yang tidak dapat dikutip oleh Bahagian Pencen (melainkan bagi hutang seperti yang disebut di para 3(i) – (iv) di atas, jika ada).

6. Bagi kes kematian dalam perkhidmatan, Bahagian Pencen akan membuat potongan dari ganjaran terbitan hanya bagi hutang KWSP syir kerajaan (yang telah dikeluarkan) sahaja iaitu seperti yang termaktub di dalam Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 dan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990. Jika gemulah mempunyai hutang kerajaan selain daripada KWSP syir kerajaan (yang telah dikeluarkan), potongan bagi hutang-hutang tersebut tidak akan dibuat daripada faedah terbitan yang akan dibayar kepada penerima-penerima yang layak. Ini adalah kerana pencen/ganjaran terbitan yang dibayar adalah menjadi hak mutlak penerimanya. Sebarang potongan ke atas pembayaran tersebut untuk tujuan menjelaskan hutang-piutang gemulah kepada Kerajaan adalah bertentangan dengan Perkara 13(1), Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa:

“No Person shall be deprived of property save in accordance with law”

7. Untuk makluman tuan/puan, pence dan ganjaran terbitan bukan merupakan faedah yang diberi kepada pegawai/pesara. Ia adalah merupakan

faedah yang dikurniakan kepada balu/duda dan anaknya, di bawah Seksyen 14 dan 15, Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Seksyen 15 dan 16, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239) selepas berlakunya kematian pegawai/pesara itu. Apabila faedah itu telah diberi kepada balu/duda dan anaknya, pencen dan ganjaran terbitan itu menjadi "**harta**" mereka dan mendapat perlindungan di bawah Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana balu/duda dan anaknya mempunyai "**hak eksklusif**" terhadap faedah itu maka hanya mereka sahaja yang boleh beri milik (*alienate*) kepada orang lain. Sehubungan dengan itu, jika si penerima ganjaran/pencen terbitan hendak membayar hutang-piutang gemulah, pembayaran balik hutang tersebut hendaklah dibayar sendiri oleh si penerima ganjaran/pencen terbitan tersebut. Bahagian Pencen tidak akan membuat sebarang potongan daripada faedah terbitan selain daripada hutang KWSP syir kerajaan (yang telah dikeluarkan).

8. Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab menguruskan hal persaraan di Jabatan masing-masing supaya segala hutang kerajaan yang perlu dikutip balik dapat dimaklumkan dengan segera kepada Bahagian Pencen supaya ianya dapat dipotong daripada ganjaran yang akan dibayar kepada pesara secara sekaligus. Pada masa yang sama ianya juga bagi mengelakkan hutang-hutang tersebut (khususnya selain daripada empat jenis hutang seperti yang disebut di para 3 di atas) gagal untuk dikutip balik. Bagi kes kematian dalam perkhidmatan, perhatian yang sewajarnya perlu diberi kepada makluman di para 6 dan 7 di atas.

9. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini adalah amat diharapkan supaya tidak timbul lagi keadaan di mana hutang-hutang kerajaan gagal untuk dikutip balik yang mana secara tidak langsung mengakibatkan kerugian kepada pihak kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MANURIANI BINTI CHE TAHIR)

Ketua Akauntan
Bahagian Pencen
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

Tel : 03-88854135
e-mel : riani@jpa.gov.my

s.k. Ketua Seksyen Akaun
Bahagian Pinjaman Perumahan
Perbadanan Malaysia
No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Pengarah
Bahagian Pencen

Float